

16/04/2004

UiTM hormati Dr M

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan Kerajaan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) bersempena Istiadat Konvokesyen Komemoratif ke-6 UiTM.

Anugerah itu disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UiTM pada majlis penuh istiadat konvokesyen yang berlangsung di Dewan Seri Budiman di sini, semalam.

Baginda dalam ucapannya bertitah, Dr Mahathir adalah seorang pemikir dan pemimpin yang berpandangan jauh kerana dapat melihat dan menilai sumbangan serta status UiTM sebagai sebuah universiti yang unggul.

Titah baginda, ternyata UiTM tidak menghampakan hasrat dan harapan bekas Perdana Menteri itu kerana universiti berkenaan pada hari ini mempunyai 100,000 siswa dan siswi dari pelbagai peringkat sehingga ke Ijazah Doktor Falsafah.

"Selain itu, sesuai dengan statusnya sebagai sebuah universiti, UiTM berjaya melahirkan penyelidik yang mendapat pengiktirafan pada peringkat nasional dan antarabangsa," titah baginda.

Justeru, baginda bertitah, sudah tiba masanya UiTM menghargai seorang negarawan yang berjuang dengan kepintaran siasah dan fikirannya untuk mengembalikan martabat bangsa yang berdaulat dan merdeka.

Baginda juga menyifatkan Dr Mahathir seorang yang amat dedikasi serta pemimpin yang mengamalkan nilai murni di samping mendahului kepentingan bangsa daripada kepentingan diri sendiri.

Dalam pada itu, baginda mengucapkan tahniah kepada isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta keluarganya yang sentiasa memberi sokongan dan bersama-sama mengharungi cabaran serta berkongsi suka dan duka bersama Dr Mahathir.

Turut hadir, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Pro Canselor, Tan Sri Dr Sulaiman Daud, Tan Sri Arshad Ayub dan Tan Sri Wira Abdul Rahmat Arshad; Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Tan Sri Nik Mohamed Yaacob dan Naib Canselor, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah.